

Terkedu kedai masuk air

Premis niaga, jalan raya tenggelam selepas hujan lebat 2 jam bermula jam 6 pagi

>>Oleh Hamid Karim
am@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Lebih 50 perniagaan yang menjalankan perniagaan kerja besi dan bengkel kenderaan di Padang Jawa, di sini terkedu apabila premis perniagaan mereka ditenggelami air satu meter dalam kejadian awal pagi semalam.

Kejadian berlaku ekoran hujan lebat tanpa henti yang melanda bandar raya ini dan Klang lebih dua jam bermula jam 6 pagi.

Selain premis berkenaan, sebuah stesen minyak juga terpaksa ditutup selepas air memenuhi keseluruhan ruang perniagaan manakala jalan alternatif menghubungkan Klang ke Shah Alam berdekatan Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula dinaiki air satu meter.

Hanya kenderaan berat saja dapat melalui jalan berkenaan sementara banyak kenderaan ringan terkandas, manakala orang ramai yang ingin berurusan di pejabat JPJ terpaksa menangguhkan hasrat mereka.

Tinjauan Harian Metro ke tempat kejadian mendapati,



TENGGELOM...stesen minyak yang ditenggelami air banjir kilat di Padang Jawa.

hampir semua premis perniagaan pertukangan besi dan bengkel kenderaan terjejas kerana dimasuki air manakala longkang berdekatan yang tidak diselenggara dipenuhi air dan melimpah hingga ke jalan berdekatan.

Seorang penduduk, Mohamad Zailan, 42, yang baru berpindah dari Perak ke Taman Masnah berdekatan tempat kejadian berkata, banjir kilat itu adalah kali

kelapan dilihatnya sejak mendiami kawasan itu lebih setahun lalu.

"Saya terpaksa mencari laluan lain menziarahi seorang saudara yang sakit di Seksyen 16," katanya.

Pemilik bengkel, Danny Wong, 48, mendakwa tindakan kontraktor menangguhkan kerja pembaikan longkang berdekatan lebih empat bulan lalu memburukkan lagi keadaan dan me-

nyebabkan saliran air tak lancar.

Ini kerana longkang berkenaan dipenuhi sampah dan laluan air semakin mengecil dikatakan menjadi penyebab utama banjir kilat di kawasan itu setiap kali hujan lebat lebih dua jam.

Beliau berkata, sejak berniaga belasan tahun di situ, banjir kilat sering berlaku dan masih gagal diatasi.

Beliau merayu pihak ber-



SESAK...pengguna jalan raya menempuh kesesakan di Jalan Padang Jawa yang dinaiki air selepas hujan.

kuasa memberi perhatian serius kerana terlalu banyak pihak terjejas setiap kali hujan kilat.

"Kami minta kerja memasang longkang konkrit berdekatan disambung semula dan jangan dibiarkan terbengkalai lagi. Sudah empat bulan kontraktor membiarkan longkang konkrit di tepi jalan dan tidak melakukan sebarang kerja.

"Kini longkang yang ada

terlalu cetek dan tidak mampu menampung kuantiti air yang banyak setiap kali hujan lebat," katanya.

Ekoran sering menutup perniagaan setiap kali banjir, Danny terpaksa mengeluarkan modal sendiri menungkitkan struktur dalam bengkelnya sebelum ini bagi mengelak kejadian sama berulang selain terpaksa menanggung kerugian berterusan.